

## RIWAYAT ISRAILIYYAT DALAM TAFSIR AL-QURAN: PERSEPSI PENSYARAH PENGAJIAN ISLAM DI IPTA TERPILIH DI MALAYSIA

Syed Mohammad Chaedar  
A. Irwan Santeri Doll Kawaid  
Nur Saadah Hamisan@Khair  
Khairul Anwar Muhammad  
Khairul Nizam Zainan Nazri

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah  
Universiti Sains Islam Malaysia

muhay@usim.edu.my

### Abstrak

Riwayat Israiliyyat mempunyai beberapa impak negatif yang boleh ditemui dalam kitab-kitab Tafsir al-Quran. Pelbagai usaha memurnikan dan membersihkan tafsiran-tafsiran ayat al-Quran dari fahaman yang tidak menepati kemurnian aqidah dan tata susila telah giat dijalankan sejak dahulu lagi. Lalu kajian ini dijalankan untuk mengetahui tahap pengetahuan dan pemahaman para pensyarah terhadap riwayat Israiliyyat yang tersebar, mengenal pasti sejauh mana tahap kesedaran para pensyarah akan bahaya dan kepentingan riwayat Israiliyyat tersebut, dan menilai bagaimana cara mereka menyampaikan riwayat Israiliyyat tersebut khususnya riwayat yang menjejaskan akidah. Metod kajian menggunakan kaedah kajian lapangan yang melibatkan responden seramai 101 pensyarah daripada lima institut pengajian tinggi awam dan swasta iaitu Univesiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Malaya (UM) dan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). Dapatan kajian menunjukkan bahawa kesedaran dikalangan pensyarah akan bahaya Israiliyyat dapat dikenal pasti, meskipun mereka mendapati ada beberapa kepentingan dalam sebahagian riwayat Israiliyyat yang disokong oleh syariat Islam.

**Kata Kunci:** Israiliyyat, Tafsir al-Quran, Persepsi, Pensyarah, Pengajian Islam

### Abstract

Israiliyyat are ancient tales which are coming from Israelite that are found whether in Quran or Hadeeth. Its have some negative impacts which can be found in the exegesis of the Quran. Various efforts had been carried out to purify the exegesis of the Qur'anic from the awry ideals of that can effect on muslims believe and ethics. This study was conducted to find out the level of understanding of lecturers from Islamic Studies on Israiliyyat, to identify the level of their awareness on the dangers of the Israiliyyat, and to assess the way they present the stories of Israiliyyat while teaching, especially the Israiliyyat related to muslims believe. Method used in this study is field research which involves 101 lecturers from five public and private institutions of higher learning namely Univesiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Malaya (UM) dan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). The findings show that awareness among lecturers on the dangers of Israiliyyat can be identified, although they find that there are some interest in some of the Israiliyyat stories were supported by Islamic law.

**Keywords:** Israiliyyat, Tafsir al-Quran, Perception, Lecturers, Islamic Studies

## 1. PENDAHULUAN

Al-Quran mengandungi banyak kisah para nabi dan umat terdahulu. Namun begitu, kisah tersebut hanyalah disebut secara umum dan tidak mempunyai penjelasan yang terperinci. Berbeza dengan *Ahlul Kitab* (Yahudi dan Nasrani) yang mampu menjelaskan kisah-kisah lampau secara terperinci seperti mana yang terkandung di dalam kitab suci mereka. Kisah-kisah tersebut sedikit sebanyak telah memberi kesan kepada kisah-kisah yang hampir sama yang terdapat di dalam al-Quran (Abu Syahbah, 2006).

Walaupun tidak semua kisah di dalam tafsir al-Quran telah dipengaruhi *riwayat Israiliyyat*, namun, riwayat Israiliyyat yang telah menyusup ke dalam tafsir al-Quran masuk terkadang sedikit sebanyak mempengaruhi pemikiran umat Islam. Lalu pelbagai usaha telah dilakukan oleh pelbagai pihak bagi mengelakkan percampuran antara *Israiliyyat* dan kisah-kisah di dalam al-Quran.

*Article Progress*

Received: 19 September 2018

Revised: 24 October 2018

Accepted: 31 October 2018

Antaranya para ulama membuat garis panduan terhadap penerimaan dan penolakan terhadap *riwayat-riwayat Israiliyyat*, menekankan kesedaran penyebaran *riwayat Israiliyyat* yang sahih serta menjelaskan kedudukan sanad riwayat tersebut, isi yang terkandung di dalamnya dan lain-lain (MN Ahmad & MN Abdul Kadir, 2004).

Antara usaha yang masih giat dilakukan juga adalah menentukan kedudukan sesuatu riwayat bukan saja dari sisi sanadnya tetapi juga dari segi isi kandungannya. Usaha ini bagi memastikan riwayat tersebut tidak boleh menjejaskan ajaran agama Islam. Beberapa hukum kedudukan riwayat telah dikeluarkan bagi menentukan sama ada riwayat tersebut boleh diterima ataupun ditolak (Abu Syahbah, 2006). Usaha ini berterusan kerana beberapa faktor, di antaranya kerana masih banyaknya kitab-kitab tafsir yang menggunakan riwayat-riwayat *Israiliyyat* tanpa menjelaskan kedudukan riwayat tersebut. Lantaran itu perlu terus diungkap mengenai kesahan dan kebenarannya.

Sememangnya penentuan terhadap status riwayat adalah penting dalam Islam lantaran kaitannya yang besar dengan al-Quran. Khususnya yang berkenaan dengan kisah-kisah para Nabi dan Rasul yang sebahagiannya mengandungi amalan, pegangan serta akidah. Usaha tersebut perlu dilakukan oleh setiap orang yang ingin memahami dan menafsirkan al-Quran sebagai satu pegangan supaya pemahamannya tidak bersandarkan kepada riwayat yang kacau dan merusak.

Namun usaha tersebut bukanlah mudah, ia memerlukan kepada tahap kepekaan akidah yang kuat, masa yang banyak, keilmuan serta kemahiran yang tinggi. Hanya ulama yang pakar sahaja yang mampu melakukannya. Ia adalah sepertimana yang telah dicontohkan oleh ulama-ulama seperti Imam *Ibnu Kathir* dan Imam *Al-Baghawi* begitu juga dengan ulama besar lain yang sezaman dengan mereka. Tetapi oleh kerana tidak semua *Riwayat Israiliyyat* telah ditentukan statusnya oleh mereka, maka usaha mereka telah diteruskan oleh ulama selepas mereka.

Adapun masyarakat awam, mereka boleh mengikut dan berpegang dengan hukum yang telah dikeluarkan oleh para ulama. Kerana mereka tidak mampu melakukan perkara tersebut. Ini telah menjadi tradisi sejak dari dulu lagi. Namun disebabkan faktor persekitaran, budaya dan tahap keilmuan yang telah berubah, tahap kepercayaan umat Islam terhadap riwayat-riwayat semisal pun telah berbeza. Perkara ini belum terlalu jelas kerana tiada sesiapa yang pernah mengkaji tahap kesedaran umat Islam mengenai bahaya dan keperluan riwayat-riwayat *Israiliyyat* tersebut. Untuk menjawab persoalan ini, kajian ini bertujuan mengkaji perkara tersebut untuk dijadikan bahan rujukan dalam Ilmu Tafsir dan pengajaran kursus-kursus yang berkaitan dengannya.

## 2. ISRAILIIYYAT: DEFINISI DAN ASAL USUL

*Israi'liyyat* dari sudut bahasa dinisbahkan kepada *Bani Israil* yang bermaksud anak-anak dari keturunan Nabi *Ya'qub* AS. Ia adalah kata jama' yang merujuk kepada *Bani Israil*. *Israil* ialah nama yang diberi kepada Nabi *Ya'qub* AS yang bermaksud hamba Allah, manakala *Bani Israil* ialah anak-anak Nabi *Ya'qub* AS dan keturunan seterusnya yang lahir daripada mereka sehingga ke zaman Nabi Musa AS dan para Nabi seterusnya sehingga zaman Nabi Isa AS dan zaman Nabi Muhammad SAW (Abu Syahbah, 2006).

Menurut istilah ahli tafsir, *Israiliyyat* ialah periwayatan dan kisah-kisah yang bersumberkan dari *Ahlul Kitab* pada umumnya dan Yahudi pada khususnya yang telah menyerap masuk ke dalam masyarakat Islam dan digunapakai dalam sebahagian Tafsir al-Quran. Namun istilah *Israiliyyat* digunakan oleh ulama tafsir dan hadith terhadap perkara-perkara yang lebih luas, iaitu setiap kisah termasuk cerita lama yang diadakan, dimasukkan ke dalam tafsir. Bahkan sesetengah ulama tafsir dan hadith menganggap *Israiliyyat* adalah setiap kisah yang dicipta dan disebarkan oleh musuh-musuh Islam sehinggalah masuk ke dalam tafsir dengan tujuan untuk merosakkan kesucian Islam (Al-Dhahabi, 1990).

Kemasukan *Israiliyyat* ke dalam tafsir bermula dari kemasukan kebudayaan kaum Yahudi yang berhijrah ke semenanjung Arab ke dalam kebudayaan Arab di zaman *Jahiliyyah*. Kaum Yahudi membawa bersama-sama mereka ilmu-ilmu dan pengetahuan yang diambil daripada kitab-kitab agama mereka dan segala perkara yang berkaitan dengannya daripada huraian-huraian pendeta-pendeta mereka yang kemudian mereka pindah wariskan daripada satu generasi ke generasi

seterusnya. Mereka mempunyai tempat yang dinamakan *al-Midras* iaitu sekolah-sekolah dimana mereka mempelajari ajaran agama yang diwarisi dan juga tempat-tempat ibadah dimana mereka menjalankan ibadah-ibadah yang diajarkan oleh agama mereka (Muhammad Yati, 2015).

Kemudian datang ajaran Islam dan kitab Allah SWT yang terkandung di dalamnya ilmu dan ajaran agama. Seruan Islam lahir dan tersebar di kalangan penduduk semenanjung Arab. Pada zaman Rasulullah SAW, pusat negara Islam adalah Madinah al-Munawwarah. Untuk mendidik para sahabat, majlis-majlis ilmu pada zaman Rasulullah SAW ini diadakan di Masjid Madinah.

Di kota Madinah dan sekitarnya tinggal bermukim beberapa kabilah Yahudi seperti *Bani Qainuqa'*, *Bani Quraizah*, *Bani al-Nadir*, *Yahudi Khaibar*, *Taima'* dan *Fadak*. Terdapat sebahagian daripada kalangan ulama mereka atau *Ahlul Kitab* di Madinah yang memeluk Islam seperti Abdullah bin Salam. Beliau dan orang sepertinya menjadi tempat rujukan kepada sahabat untuk bertanya secara terperinci tentang kisah-kisah al-Quran yang sama disebut di dalam kitab-kitab Taurat dan Injil. Namun para sahabat tidak menerima bulat-bulat apa yang diceritakan kepada mereka, akan tetapi mereka menapisnya dengan pemahaman akal dan juga petunjuk syarak. Mereka hanya menerima apa yang diterima oleh akal dan syarak dan menolak sekiranya apa yang diceritakan bercanggah dengan keduanya (Muhammad Yati, 2015).

Adapun tentang perkara-perkara yang tidak jelas sisi benar atau salahnya maka mereka mengambil pendirian *tawaqquf* yaitu berdiam diri tidak menerima dan tidak menolak terhadap perkara-perkara yang tidak jelas tentang benar dan salahnya tersebut. Ibn Khaldun menyatakan: Apabila timbul keinginan di kalangan orang-orang Arab untuk mengetahui tentang permulaan kejadian makhluk dan rahasia kejadian alam, mereka cenderung bertanya kepada *Ahlul Kitab* dari kalangan Yahudi dan Nasrani. Penganut Taurat di sebahagian kawasan pada masa itu ada yang berkehidupan *badui* dan masih sangat awam pengetahuannya, majoriti mereka dari kalangan suku bangsa *Himyar* yang telah menganut ajaran yahudi, maka setelah mereka memeluk Islam pengaruh ajaran agama asal mereka yang berkaitan dengan asal kejadian makhluk, cerita-cerita generasi lampau sama ada yang berkenaan dengan peperangan dan sebagainya yang tidak memiliki kaitan dengan hukum hakam, masih kuat dalam diri mereka. Diantara orang-orang yang berasal dari golongan mereka ialah *Ka'b b. al-Ahbar* (m.32H), *Wahab b. Munabbih* (m.110H), dan *Abdullah bin Salam* (m.43H), dan bermula dari merekalah riwayat-riwayat *Israiliyyat* tersampaikan dan tersebar sehingga akhirnya masuk pula dalam kitab-kitab Tafsir yang ada hingga sekarang (Ibn Khaldun, 1968).

### 3. EKSISTENSINYA DALAM TAFSIR AL-QURAN

Pada zaman Rasulullah SAW, informasi dari kaum Yahudi yang dikenal sebagai *israiliyyah* tidak berkembang dalam penafsiran al-Quran, sebab hanya beliau satu-satunya penjelas (*mubayyin*) berbagai masalah atau pengertian yang berkaitan dengan ayat-ayat al-Quran, umpamanya saja apabila para sahabat mengalami kesulitan mengenai pengertian yang berkaitan dengan sebuah ayat al-Quran sama ada makna atau kandungannya, mereka langsung bertanya kepada Rasulullah SAW (Rifa'i, 1992).

Walau demikian, Rasulullah SAW juga telah memberi kebenaran untuk menerima informasi daripada *Ahlul Kitab* yang berasal dari *Bani Israil* sebagaimana yang diriwayatkan dalam sebuah hadis:

بلغوا عني ولو آية وحدثوا عن بني إسرائيل ولا حرج، ومن كذب علي متعمداً فليتبوأ مقعده من النار

Maksudnya: “Sampaikanlah yang datang dariku walaupun satu ayat, dan ceritakan (apa yang kamu dengar) dari Bani Israil dan hal itu tidak ada salahnya. Barang siapa yang berdusta ayatku, maka siap-siaplah untuk menempati tempatnya di neraka.” (Sahih al-Bukhari)

Demikian pula dalam hadis lain, Rasulullah SAW bersabda:

لا تصدقوا أهل الكتاب ولا تكذبوهم وقولوا آمنا بالله وما أنزل إلينا

Maksudnya: “*Janganlah kamu benarkan orang-orang Ahlul Kitab dan jangan pula kamu dustakan mereka. Berkatalah kamu sekalian, kami beriman kepada dan kepada apapun yang diturunkan kepada kami.*” (Sahih al-Bukhari)

Hadis-hadis di atas menunjukkan bahawa terdapat peluang atau kebenaran yang diberikan oleh Rasulullah SAW kepada umatnya untuk mengambil atau menerima sebahagian riwayat-riwayat dari *Ahlul Kitab*. Walaupun begitu, hadis-hadis tersebut juga mengandungi peringatan untuk berhati-hati terhadap riwayat *Ahlul Kitab*, malah terdapat balasan bagi mereka yang cuba untuk mendustakan Rasulullah SAW.

Selain daripada itu hadis-hadis tersebut juga menyimpulkan bahawa *riwayat Israiliyyat* sebenarnya sudah lama muncul dan berkembang di kalangan bangsa Arab jauh sebelum Rasulullah SAW, yang kemudian terus bertahan pada era Rasulullah SAW, hanya saja ia belum merambah dan merayap kedalam proses penafsiran al-Quran. Akan tetapi setelah kewafatan baginda, dan para sahabat menjadi pakar rujuk dalam mentafsirkan ayat al-Quran, sekiranya tidak ditemui dalam hadis-hadis Rasulullah SAW, mereka akan berijtihad dengan sesekali sekala mengutip riwayat dari *Ahlul Kitab* yang kemudian juga dianggap perlu untuk dijadikan sebagai salah satu rujukan sebatas keperluan dan hanya kepada riwayat-riwayat yang diyakini keshahihanya. Hal ini berlaku karena ada persamaan antara al-Quran, Taurat dan Injil.

Pada zaman sahabat, penerapan *riwayat Israiliyyat* dalam kitab tafsir telah pun bermula. Secara umumnya, namun para sahabat sangat ketat dalam menerima riwayat daripada kaum Yahudi dan Nasrani. Mereka hanya membataskan kisah-kisah dalam al-Quran kepada apa yang dijelaskannya sahaja secara global, lagipula Nabi SAW sendiri pun tidak banyak menerangkan kepada mereka perihal kisah-kisah tersebut (Usman, 2011). Disamping itu para sahabat dikenal sebagai orang-orang yang konsekuen dan konsisten kepada ajaran yang diterima dari Rasulullah SAW, dan mereka akan menolak kisah-kisah *Israiliyyat* yang bertentangan dengan *syari'at* Islam. *Al-Dhahabi* mengatakan: Keterlibatan para sahabat dalam meriwayatkan *Israiliyyat* tidak berlebih-lebihan dan masih dalam batas kewajaran (*Al-Dhahabi*, 1986).

Pada zaman *tabi'in*, penukilan dari *Ahlul Kitab* semakin meluas dan cerita-cerita *Israiliyyat* dalam tafsir semakin berkembang. Sumber daripada cerita-cerita ini adalah daripada orang-orang yang masuk Islam dari kalangan *Ahlul Kitab* yang jumlahnya cukup banyak dan ditunjang oleh keinginan yang kuat dari orang-orang untuk mendengar kisah-kisah yang ajaib daripada mereka dan kitab mereka. Oleh kerana itu, telah muncul sekelompok mufassir yang ingin mengisi kekosongan fakta pada tafsir dengan memasukkan kisah-kisah yang bersumberkan daripada orang-orang Yahudi dan Nasrani. Akibat daripada itu, kitab tafsir mengandungi pelbagai kisah yang bercampur dengan kisah yang mempunyai sumber yang tidak tepat.

Metodologi penulisan tafsir pada zaman *tabi'in* juga tidak menitikberatkan kepentingan dan kualiti *isnad al-Hadith* yang menjadi sumber rujukan di dalam *tafsir bi al-mathur* menambahkan lagi faktor perkembangan *Israiliyyat*. Ramai di kalangan ahli tafsir pada masa itu yang mengabaikan metodologi *sanad al-Hadith* sehingga corak penafsiran mereka diwarnai dengan unsur-unsur *Israi'liyyat* (Ishak Sulaiman, 1998). Di antara contoh mufassir tersebut ialah *Muqatil bin Sulaiman*. Pada zaman ini juga, banyak hadits-hadits palsu, kedustaan dan kebohongan yang disandarkan kepada Rasulullah SAW tersebar luas (*Al-Dhahabi*, 1986).

Sikap selektif dalam periwayatan menjadi hilang. Banyak periwayatan yang tidak melalui jalur "kode etik metodologi penelitian" ilmu hadis dengan tidak menuliskan sanadnya secara lengkap. Setelah zaman *tabi'in* berakhir, kisah-kisah *Israiliyyat* semakin mendapat tempat di hati masyarakat sehinggakan mereka tidak mampu membezakan adakah ianya dari sumber yang sahih ataupun batil. Lebih buruk lagi apabila ada sebahagian yang tidak lagi merujuk kepada isi yang terdapat di dalam al-Quran, kerana berpendapat bahawa *riwayat Israiliyyat* penting untuk penafsiran ayat-ayat al-Quran.

Justeru di kalangan sarjana ada yang mengambil kesempatan untuk menyandarkan sumber-sumber *Israiliyyat* hanya kepada mereka sahaja tanpa penelitian yang rapi, yang menyebabkan makin

bertambahnya riwayat-riwayat *Israiliyyat* dalam *khazanah* keilmuan mereka sehinggalah sampai kepada generasi selanjutnya.

*Riwayat Israiliyyat* yang wujud pada zaman kini merupakan penyambung kepada *riwayat Israiliyyat* yang telah pun muncul sejak zaman para sahabat lagi. Peranan para ulama pada zaman moden ini sangat besar untuk mewujudkan kesedaran tentang impak negatif daripada *riwayat Israiliyyat*. Walaupun tidak semuanya memberi kesan kepada *Aqidah*, tetapi sikap berhati-hati perlu dipupuk sebelum mempercayai *riwayat Israiliyyat* terutama yang boleh ditemui dalam *Tafsir al-Quran*.

#### 4. METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah kajian lapangan yang membabitkan kutipan data secara kualitatif dan diikuti dengan kuantitatif. Oleh itu medium yang bakal digunakan dalam kajian jangka pendek ini dalam pengumpulan data adalah dengan menggunakan soal selidik dan penganalisaan data yang diperolehi dengan menggunakan SPSS.

Pengumpulan sampel bagi tujuan pengumpulan data kajian ini melibatkan sekumpulan Pensyarah yang terlibat secara langsung dalam pengajaran dan pembelajaran subjek-subjek yang bersentuhan dengan riwayat-riwayat *Israiliyyat*. Kesemua sampel ini dipilih kerana mempunyai kaitan rapat berhubung kajian tahap kesedaran pensyarah terhadap bahaya dan kepentingan riwayat-riwayat *Israiliyyat*, yang seterusnya dapat menjadi responden tepat bagi mendapatkan data kajian.

Ia melibatkan responden seramai 101 pensyarah daripada lima institut pengajian tinggi awam dan swasta iaitu Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Malaya (UM) dan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). Data kajian pula diperolehi dengan menggunakan soal selidik yang dihantar oleh penyelidik kepada responden kajian.

Soal selidik ini telah direka bentuk berasaskan kepada persoalan dan tujuan kajian yang telah dikaji kesesuaiannya. Berdasarkan metod induktif, deduktif, dan komperatif, dapatan data yang dianalisis melalui jawapan para pensyarah merangkumi dua bahagian. Soal selidik tersebut mempunyai tiga bahagian. Bahagian A mengandungi maklumat latar belakang responden, Bahagian B mengandungi item tentang kefahaman tentang *riwayat Israiliyyat*, manakala Bahagian C mengandungi item tentang kesedaran akan kepentingan dan bahaya *riwayat Israiliyyat* dalam *Tafsir Al-Quran*. Skala Likert (1 hingga 5) digunakan untuk mengukur maklum balas responden bagi setiap item yang dikemukakan.

Proses pengolahan dan penganalisaan data dijalankan berbantuan *Statistical Package for Socila Sciences* (SPSS) untuk mendapatkan suatu keputusan kajian. Kajian analisis statistik deskriptif menggunakan arahan menu kekerapan (*frequency*). Analisis ini digunakan bagi menghasilkan kecenderungan memusat seperti nilai peratus, min, madian, mod dan varians. Ia digunakan untuk mengira respons atau nilai dalam bentuk jadual frekuensi satu hala (*one-way frequency*) bagi mengolah taburan data yang pelbagai (Mohd Salleh Abu & Zaidatun Taisir, 2001).

#### 5. DAPATAN KAJIAN

##### 5.1 PERSEPSI PENSYARAH TERHADAP MASALAH INI

Dalam usaha mendapatkan informasi berkenaan bagaimana persepsi pensyarah terhadap bahaya dan kepentingan *riwayat Israiliyyat* dalam tafsir al-Quran, soal kaji selidik telah dilakukan dengan membagikan borang soal selidik kepada 101 orang responden daripada pensyarah di IPTA terpilih, dengan perincian 45.5% daripada keseluruhan responden ialah lelaki (46 orang), 41.6% daripada responden adalah perempuan (42 orang). Manakala selebihnya 12.9% (atau 13 orang) tidak menyatakan jantina. Data kajian menunjukkan bahawa sebahagian besar responden terdiri daripada warga USIM, iaitu sebanyak 64.4% (65 orang), dan diikuti UIAM sebanyak 20.8% (21 orang).

Sementara 8.9% (9 orang) daripada UKM, 3% (3 orang) daripada KUIS, dan 1% (1 orang) daripada UM, dan baki 2% (2 orang) tidak menyatakan asal institusi.

Berdasarkan hasil soal kaji selidik tersebut beberapa dapatan diperolehi dengan rumusan kajian sebagaimana berikut:

1. Dari aspek pengetahuan dan pemahaman dapat disimpulkan:
  - 1.1 Para pensyarah mengetahui definisi *riwayat Israiliyyat* yang merupakan kisah-kisah yang diriwayatkan oleh *Bani Israil*. Hanya sebahagian daripada mereka ada yang memahami bahawa *riwayat Israiliyyat* itu bukan hanya setakat riwayat-riwayat orang-orang *Ahlul Kitab* sahaja, akan tetapi ia mencakup segala riwayat-riwayat palsu yang dimasukkan secara batil, pendapat-pendapat menyeleweng dalam menafsirkan dan memahami ayat-ayat al-Quran dan mengandungi perkara-perkara batil dan karut yang tidak diterima oleh Islam, maka ianya disini sama dengan istilah *dakhil* (susupan) dalam *Tafsir al-Quran*.
  - 1.2 Para pensyarah mengetahui dan memahami akan kesan buruk yang disebabkan oleh kepercayaan terhadap *riwayat Israiliyyat* yang batil atau bercanggah dengan al-Quran dan Sunnah.
  - 1.3 Tidak ramai pensyarah yang mempunyai kebolehan untuk menilai dan membezakan *riwayat Israiliyyat* sama ada isi kandungannya benar ataupun palsu. Meskipun mereka memperakui jumlah *riwayat Israiliyyat* yang muncul dari hasil rekaan semata-mata adalah banyak. Oleh itu mereka mengakui ada *riwayat Israiliyyat* yang tidak selari dengan syariat disebabkan adanya pelanggaran-pelanggaran yang nyata terhadap ajarannya.
  - 1.4 Sebahagian pensyarah masih ada yang belum merasai bahwa *riwayat Israiliyyat* berkenaan kisah-kisah Nabi, penciptaan dan kejadian mahluk pertama sebelum manusia, sebahagiannya mengandungi unsur-unsur *Aqidah* yang wajib disikapi dengan hati-hati dan memastikan kesesuaiannya dengan *Aqidah* Islam yang benar.
  - 1.5 Para pensyarah bersetuju bahawa pentafsiran ayat-ayat al-Quran yang berlandaskan kepada *riwayat Israiliyyat* itu tidak boleh menjadi sumber rujukan dalam perundangan Islam.
2. Dari aspek kesedaran akan kepentingan dan bahaya *riwayat Israiliyyat* dapat disimpulkan sebagai berikut:
  - 2.1 Para pensyarah secara keseluruhannya sedar akan bahaya *riwayat Israiliyyat* dalam Tafsir al-Quran. Kerana sebahagian daripadanya dijumpai secara pasti mengandungi perkara-perkara yang boleh menjejaskan *Aqidah* Islam. Oleh itu mereka bersetuju agar setiap *Mufassir* mesti bertanggung jawab sekiranya terdapat *riwayat Israiliyyat* di dalam kitab Tafsirnya yang menjejaskan *Aqidah* agama kita.
  - 2.2 Para pensyarah menilai bahawa *riwayat Israiliyyat* tidak banyak membantu dalam memahami al-Quran. Kerana mereka melihat usaha menafsirkan al-Quran itu tidak mesti menggunakan riwayat tersebut, oleh itu mereka tidak akan berhujah dengan tafsiran al-Quran yang berpandukan kepada *riwayat Israiliyyat*, terutama *riwayat Israiliyyat* yang tak jelas status sanadnya.
  - 2.3 Seperti yang sedia maklum bahawa tidak semua kitab Tafsir al-Quran menghimpun *riwayat Israiliyyat*. Kewujudan *riwayat Israiliyyat* yang ada juga berbeza dari sudut bilangannya, disamping berapa jumlah riwayat-riwayat yang dapat diterima ataupun ditolak. Perkara ini menjadi puncak mengapa para pensyarah tidak percaya atau tidak pasti untuk merujuk kepada kitab-kitab tafsir yang banyak menghimpun *riwayat Israiliyyat*, dan seterusnya menggunakannya dalam pengajaran dan pembelajaran atau tidak.

- 2.4 Keberadaan *riwayat Israiliyyat* di dalam kitab-kitab tafsir selama ini tidak diketahui secara pasti apakah ianya setakat tambahan yang disertakan dalam penjelasan ayat sebagai penguat makna dan maksud yang telah diperakui atau dia berfungsi sebagai penafsir dan penentu makna dan maksud ayat. Oleh kerananya, di sini diragui apakah penulis kitab Tafsir al-Quran sengaja meletakkan *riwayat Israiliyyat* di dalam kitabnya setakat sebagai penambahan cerita guna menjadi saksi atau sebagai penentu *al ma'nal murad* yang dimaksud. Perkara ini akan mempengaruhi persepsi para pensyarah yang berbeza-beza jika merujuk kepada penilaian mereka berkenaan kadar bahaya *riwayat Israiliyyat* berbanding dengan kepentingannya apabila ianya dimaksudkan untuk menafsirkan al-Quran.
- 2.5 Kesan yang ditimbulkan oleh penafsiran al-Quran yang berunsurkan *riwayat Israiliyyat* antara lain adalah kemunculan pelbagai bentuk penafsiran ayat yang mencampur aduk antara sumber yang shahih dengan sumber yang tidak shahih yang berunsurkan *riwayat Israiliyyat* yang seterusnya akan menimbulkan kekeliruan atau keraguan. Ia juga memberi kesan negatif apabila sanad-sanad yang lemah dan tidak diketahui puncanya ini telah membawakan cerita-cerita khayal, khurafat, mitos-mitos, dongeng-dongeng dan juga lagenda bohong yang kadangkala diterjemahkan pula di dalam bentuk-bentuk lukisan dan grafik yang boleh mengelirukan paradigma dan doktrin kepada anak cucu kita.

## 6. PERBINCANGAN

Setelah kita mengetahui respond pensyarah terhadap masalah ini samaada dari aspek pengetahuan dan pemahaman mereka atau aspek kesedaran akan kepentingan dan bahayanya, maka ada baiknya kita membincangkan usaha dan langkah yang sepatutnya diambil.

Sebenarnya sejak dahulu lagi pelbagai usaha telah dilakukan oleh para Ulama dalam menyeleksi dan membersihkan kisah Israiliyyat yang terdapat dalam kitab-kitab terdahulu. Namun, usaha ini amat susah dan memerlukan kepada kesungguhan kerana dilakukan dalam tempoh yang berpanjangan. Tanpa disedari kisah-kisah ini mudah disebarkan kepada masyarakat awam tanpa kawalan yang menyebabkan ia terus diwarisi dari satu generasi ke generasi yang lain. Hadith Nabi S.A.W. ada menyebutkan:

حدثوا عن بني إسرائيل ولا حرج

Maksudnya : *Ceritakanlah (apa yang kalian dengar) dari Bani Isra'il dan itu tidak apa (dosa).* (Sahih al-Bukhari).

Dalam memahami hadits tersebut kita perlu mamahaminya sesuai dengan apa disampaikan oleh Imam As-Syafie dalam mengomentari hadits ini, beliau berkata: Sedia maklum bahawa baginda S.A.W. melarang berbicara dusta, jadi maksud hadits ialah ceritakanlah daripada Bani Israel pada perkara yang kamu tidak ketahui bahawa ia adalah dusta (*mengandung kebatilan*), adapun perkara yang dibenarkan (*karena ia tidak bercanggah dengan penjelasan al-Quran dan Sunnah*) maka tidak menjadi suatu dosa kepada kamu untuk meriwayatkannya. Inilah petanda kepada hadits baginda :

إذا حدثكم أهل الكتاب فلا تصدقوهم ولا تكذبوهم

Maksudnya : *Apa yang diceritakan oleh orang-orang ahli kitab kepada kalian maka janganlah kalian percayai atau kalian dustakan* (Sahih al-Bukhari) (Abu Syahbah, 2006).

Oleh itu supaya segala usaha memurnikan kembali khazanah karya ulama dalam tafsir al-Quran yang dirintis dapat dilaksanakan dengan lebih intensif dan maksimal maka hendaknya usaha tersebut merangkumi dua perkara:

1. Langkah dan usaha yang perlu diambil oleh Ulama yang hendak menafsirkan al-Quran dengan mengambil sikap kritis dan teliti, terhadap setiap riwayat-riwayat *Israiliyyat*.
2. Upaya- upaya pembersihan kitab-kitab tafsir yang ada dari pengaruh kisah-kisah *Israiliyyat* yang batil (A Malik Madani, 2008).

Dalam hal ini ulama yang hendak menafsirkan al-Quran perlu memperhatikan beberapa perkara seperti berikut:

1. Ulama tersebut sentiasa waspada dan bersikap kritis dan teliti, supaya dapat menyaring riwayat-riwayat *Israiliyyat* mana yang sesuai dengan jiwa al-Quran, sesuai pula dengan kriteria periwayatan yang sah dan selari dengan akal sehat (Al-Dhahabi, 1990). Dan inilah yang dimaksud oleh Amin al-Khuly dengan pernyataannya: hendaklah kumpulan yang bercampur baur dari tafsir *Naqly* tersebut dikoreksi berdasarkan petunjuk kaedah-kaedah para Ulama dalam mengkritik riwayat baik dari segi *matan* maupun *sanad* (Amin Al Khuly, 1961).
2. Terhadap riwayat yang memang sesuai dengan jiwa al-Quran tersebut, ia boleh diambil sekedarnya sesuai dengan keperluan untuk tujuan menjelaskan lafal-lafal yang *mujmal* atau sebagai argumentasi penentangan-penentangan baik oleh orang Yahudi maupun Nasrani (Al-Dhahabi, 1990).
3. Dalam *kemujmalan* al-Quran yang telah dijelaskan oleh Rasulullah S.A.W. berdasarkan kepada hadits yang shahih seperti penjelasan Rasulullah bahwa putra yang dikorbankan oleh Nabi Ibrahim adalah Nabi Ismail A.S. maka tidak dibenarkan bagi si *mufassir* untuk kemudian mencarinya lagi dari sumber-sumber Yahudi atau sumber-sumber Islam yang telah dimasuki anasir Yahudi yang mengatakan bahwa putra Nabi Ibrahim A.S. yang dikorbankan adalah Nabi Ishaq A.S. (Al-Dhahabi, 1986).
4. Terhadap kriteria *Israiliyyat* yang oleh *Syeikhul Islam* Ibnu Taimiyyah dan Ibnu Katsir dimasukkan dalam kriteria "*Maskut anhu*" yang memang sebahagian besar tidak berfaedah baik untuk urusan dunia maupun untuk urusan akhirat, meskipun boleh untuk diriwayatkan, namun demikian kami cenderung kepada komentar serta alasan yang dikemukakan oleh al-Ustadz Ahmad Mohammad Syakir yang membedakan antara "*kebolehan untuk diriwayatkan*" dengan "*penggunaanya sebagai pendapat atau riwayat dalam menafsirkan al-Quran*" sehingga beliau cenderung untuk tidak membenarkan kisah *Israiliyyat* yang masuk kriteria ini untuk dijadikan bahan penafsiran al-Quran. Pengertian ini dapat difahami dari penjelasan beliau: "Sesungguhnya kebenaran untuk menceritakan dari ahli kitab mengenai masalah yang memang kita tidak menjumpai alasan yang menunjukkan itu benar ataupun dusta adalah suatu persoalan tersendiri, sedangkan menyebut riwayat itu dalam menafsirkan al-Quran dan menempatkannya sebagai salah satu pendapat atau riwayat mengenai makna ayat-ayat atau mengenai penentuan sesuatu yang tidak ditentukan didalam ayat atau mengenai perincian dari apa yang masih *mujmal* didalam ayat itu adalah persoalan lain yang berbeda. Hal ini disebabkan karena penempatan riwayat semacam ini disisi firman Allah mengandung kesan bahwa riwayat yang belum kita ketahui benar atau dustanya itu merupakan tafsiran terhadap makna firman Allah S.W.T dan merupakan penjelas terhadap *kemujmalanya*". Maha suci Allah dan firmanNya dari perkara semacam ini (Ahmad Syakir, 1956).

Adapun usaha yang kedua, yaitu usaha membersihkan kitab-kitab tafsir yang ada dari pengaruh kisah-kisah *Israiliyyat* yang berbahaya, maka ianya bukan bermaksud melenyapkan atau mengecilkkan arti kitab-kitab tafsir yang ada, apalagi setelah kita tahu bahwa kitab-kitab tersebut telah



menjadi bahagian yang tak terpisahkan dari warisan pemikiran Islam yang telah berabad-abad mencampuri kehidupan pemikiran kaum Muslimin. Dan memang tidak mungkin dipungkiri bahwasanya beberapa induk kitab tafsir itu sampai sekarang masih dan akan tetap menjadi tempat kembalinya para Ulama dan pemikir Islam tatkala mereka menghadapi kemusykilan tentang maksud ayat atau lafadz al-Quran. Dan memang belum terlintas dalam bayangan kami adanya seorang Ulama Islam betapapun prestasi ilmiah yang telah ia capai, yang mampu menulis sebuah tafsir al-Quran tanpa mengambil petunjuk dari pendapat Ulama tafsir terdahulu (A Malik Madani, 2008).

Namun hal ini tidak bermaksud bahwa kita telah siap sedia menerima sepenuhnya segala sesuatu yang tercantum dalam kitab-kitab tersebut sebagai suatu peninggalan yang suci dan sacral seperti al-Quran dan Sunnah. Karena segala pemikiran yang mereka hasilkan dari kerja keras *Ijtihad* yang mereka lakukan dalam perkara-perkara yang bersifat *Ijtihadiyyah* dan bukan merupakan pemahaman terhadap *Nash shohih* dan *sharih* yang tak berlaku *Ijtihad* didalamnya atau yang berlaku *Ijma'* Ulama padanya, Maka dalam hal ini kita menyikapinya dengan sebuah ungkapan daripada Imam Malik bin Anas yang amat popular tatkala menyikapi berbagai macam pendapat daripada Ulama, beliau mengatakan:

كل أحد يؤخذ من قوله أو يرد إلا قول صاحب هذا القبر

Maksudnya: *Setiap orang (siapapun dia) dapat diterima dan diambil pendapatnya atau ditolak dan ditinggalkan melainkan sabda penghuni kubur ini (seraya menunjuk kearah kubur Nabi S.A.W.)*

Oleh itu adalah menjadi kewajiban atas ulama Islam pada umumnya dan para ahli tafsir dan hadits pada khususnya untuk melakukan kajian dan penelitian secara serius guna menyaring dan membersihkan riwayat-riwayat *Israiliyyat* yang terdapat dalam kitab-kitab tafsir yang ada dari segala kedustaan dan kebatilan.

## KESIMPULAN

Dari apa yang telah kami uraikan diatas mengenai persepsi para pensyarah terhadap bahaya dan keperluan riwayat *Israiliyyat* serta sedikit perbincangan berkenaan denganya, dapat kita simpulkan sebagai berikut:

1. Fokus kajian ini amat penting mengingat ianya bertujuan memastikan sejauh mana para pensyarah melihat dan menyedari kadar quantity riwayat *Israiliyyat* dalam kitab-kitab tafsir dan tingkat bahayanya dalam mempengaruhi pola penafsiran Ulama dalam kitab-kitab tafsir mereka, dan sejauh mana tingkat perhatian dan kekhawatiran mereka terhadap kesan bahaya yang ditimbulkan oleh penggunaan riwayat-riwayat *Israiliyyat* yang mengandungi kebatilan dalam ikut campur menjelaskan makna dan maksud ayat, yang pada ujungnya mereka menyarankan adanya penyeleksian riwayat-riwayat *Israiliyyat* tersebut sehingga riwayat *Israiliyyat* yang batil dapat disingkirkan dan dibersihkan daripada kitab-kitab tafsir yang ada.
2. Kajian dan analisis mengenainya merupakan satu keperluan penting bagi mendapatkan gambaran yang nyata, dimana dalam tahapan selanjutnya dapat diambil langkah-langkah pencegahan. Ia mampu bergerak menjadi faktor untuk menggesa para pensyarah berhati-hati dalam meriwayatkan riwayat *Israiliyyat* yang ditemui dalam kitab tafsir dalam pengajaran, supaya apa yang disampaikan benar dan selamat.
3. Riwayat *Israiliyyat* yang bercanggah dengan asas Islam bukan sahaja terkadang boleh merosakkan tafsiran yang sahih, malah ia juga boleh mencetuskan kekeliruan di kalangan umat Islam. Walau bagaimanapun, kajian ini mencadangkan agar kitab-kitab tafsir yang banyak digunapakai oleh masyarakat pada umumnya, dan yang diguna pakai dalam pengajaran di institusi pengajian tinggi hendaklah disertakan satu penjelasan sama ada di

awal atau di akhir kisah-kisah tersebut bagi menyatakan bahawa apa yang diriwayatkan tersebut adalah dari periwayatan *Israiliyyat*, sama ada riwayat tersebut benar sehingga dapat dipercayai atau keliru dan batil supaya ditolak dan dihindari.

4. Kajian ini penting bagi mereka yang tidak sedar bahawa sebahagian kisah yang wujud dalam kitab tafsir adalah berasal daripada riwayat *Israiliyyat*. Ini adalah kerana golongan sasaran yang akan membaca kitab-kitab tafsir adalah mungkin terdiri daripada kalangan pelajar atau orang awam yang belum memiliki keupayaan dalam membezakan mana yang benar dan yang batil, terutamanya dari segi matan dan sanadnya yang menyebabkan mereka menyangka bahawa itulah tafsiran sebenar bagi kisah-kisah yang terdapat di dalam al-Quran.
5. Merupakan tanggung jawab atas para ulama dan cerdik pandai dalam bidang tafsir dan ilmu-ilmu al-Quran sebuah usaha untuk menyaring dan membersihkan riwayat-riwayat *Israiliyyat* yang terdapat dalam kitab-kitab tafsir pada khususnya dan memastikan dua langkah utama yang mesti diterajui iaitu:
  - a) Ulama yang hendak menafsirkan al-Quran mestilah mengambil sikap kritis dan teliti, terhadap setiap riwayat-riwayat *Israiliyyat*.
  - b) Ulama tersebut hendaklah berkomitmen terhadap usaha pemurnian dan pembersihan kitab-kitab tafsir yang ada dari pengaruh kisah-kisah *Israiliyyat* yang batil atau bercanggah dengan ajaran agama.

## RUJUKAN

- Abu Syahbah, Muhammad bin Muhammad. (2006). *Isra'iliyyat dan Hadith Palsu dalam Kitab-Kitab Tafsir*. Terjemahan oleh Hasnan bin Kasan. Selangor: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Al-Bukhari. (1981). *Sahih al-Bukhari*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ahmad Mohammad Syakir. (1956) *'Umdat Tafsir 'anil Hafidz Ibn Kaysir I*. Mesir: Darul Ma'arif.
- Al-Dhahabi, Muhammad Hussein. (1990). *Isra'iliyyat fi al-Tafsir wa al-Hadith*. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- Al-Dhahabi, Muhammad Hussein. (1986). *Penyimpangan-penyimpangan dalam Penafsiran al-Quran*. Jakarta: Rajawali.
- Amin Al Khuly. (1961). *Manahijut Tajdid*. Cairo, Darul Ma'rifah.
- A Malik Madaniy. (2008). *Masuknya kisah-kisah Israiliyyat dalam penafsiran al-Quran dan langkah-langkah pengamananya*. Perpustakaan Digital UIN Sunan Kalijaga Yogyakarta
- Ibn Khaldun, Abd al-Rahman b. Khaldun al-Maghribi. (1968). *Muqaddimah Ibn Khaldun*. Beirut: Dar Maktabah al-Hayat.
- Ishak Sulaiman. (1998). *Israiliyyat dalam Pengajian Tafsir dan Sunnah*. *Jurnal Usuluddin* 8(1), pp. 1-12.
- Mohd Nazri Ahmad, Muhd Najib Abdul Kadir. (2004). *Israiliyyat: Pengaruh dalam Kitab Tafsir*. Kuala Lumpur: Utusan Publication and Distributors.
- Mohd Salleh Abu and Zaidatun Tasir. (2001). *Pengenalan Kepada Analisis Data Berkomputer: SPSS 10.0 for Windows*. KL: Venton Publishing.
- Muhammad Yati, Abizal. (2015). *Pengaruh Kisah-kisah Israiliyyat terhadap Materi Dakwah*, *Jurnal al-Bayan* 22(31), pp. 1-12.
- Rifa'i, Zainal Hasan. (1992). *Kisah-kisah Israiliyyat dalam Penafsiran al-Quran dalam Belajar Ulumul Quran*. Jakarta: Lentera Basitama.
- Usman. (2011). *Memahami Israiliyyat dalam penafsiran al-Quran*. *Ulumuna* 15(2), pp. 291-312.